



Ruj. Kami: Bil.(112)dlm.PTGS/BPH/10/31/99(LG) Jld.1

Tarikh : 29 Mei 2021

17 Syawal 1442H

### **EDARAN SEGERA**

#### **Senarai Edaran Lampiran A**

YBhg. Dato'/Tuan / Puan,

**PEMAKLUMAN PENUTUPAN SEMENTARA OPERASI PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR (PTGS) MERANGKUMI KIOSK PERSERAHAN DAN PUNGUTAN SMARTBOX BAHAGIAN PENDAFTARAN HAKMILIK DAN BAHAGIAN HAKMILIK STRATA BERIKUTAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) PENUH (*FULL LOCKDOWN*) BERMULA PADA 31 MEI 2021 (ISNIN)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana pihak YBhg. Dato'/tuan/puan sedia maklum, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Penuh (*Full Lockdown*) akan mula dikuatkuasakan bermula pada 01 Jun 2021 sehingga 14 Jun 2021 bertujuan untuk mengekang penularan wabak Covid-19 yang semakin meningkat pada masa kini.

3. Sehubungan itu, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) akan mula menutup operasi perkhidmatan kaunter Bahagian Pendaftaran Hakmilik dan Bahagian Hakmilik Strata di pentadbiran ini seperti berikut:

<b>Jenis Perkhidmatan</b>	<b>Tarikh Mula Ditutup</b>
Kiosk Perserahan (Landed & Strata)	31 Mei 2021
Kiosk@Kaunter Pungutan (Landed & Strata)	01 Jun 2021
Kaunter Perserahan Orang Awam	01 Jun 2021
Kaunter Carian Rasmi (Orang Awam & Firma Guaman)	01 Jun 2021
Kaunter CTC Hakmilik & Surat Cara	01 Jun 2021
Kaunter Pengesahan Biometrik Pindahmilik Melebihi RM5juta	01 Jun 2021

**PEMAKLUMAN PENUTUPAN SEMENTARA OPERASI PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR (PTGS) MERANGKUMI KIOSK PERSERAHAN DAN PUNGUTAN SMARTBOX BAHAGIAN PENDAFTARAN HAKMILIK DAN BAHAGIAN HAKMILIK STRATA BERIKUTAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) PENUH (*FULL LOCKDOWN*) BERMULA PADA 31 MEI 2021 (ISNIN)**

---

4. Penutupan kesemua urusan kaunter ini dibuat secara berperingkat bertujuan untuk memberi ruang kepada pentadbiran ini dalam menyusun dan menyelesaikan segala perserahan yang diterima sebelum pelaksanaan PKP Penuh (*Full Lockdown*) dan memastikan bahawa perserahan yang diterima sebelum ini dapat diproses dengan sewajarnya.

5. Juga dimaklumkan bahawa sepanjang penutupan sementara operasi kaunter pendaftaran di pentadbiran ini, **urusan pembayaran perserahan secara atas talian melalui Sistem *Smartbox* masih dibuka seperti biasa dan pelanggan merangkumi firma guaman dan orang awam masih boleh membuat pembayaran urusan tersebut.** Kesemua dokumen perserahan yang telah dibayar boleh dikemukakan selepas operasi kaunter dan kiosk dibuka kembali berdasarkan situasi semasa dan pengumuman oleh pihak kerajaan.

6. Bagi memastikan bahawa pihak berkepentingan tidak terjejas dengan penutupan sementara sepanjang PKP Penuh (*Full Lockdown*) ini, pihak PTGS akan memberikan pengecualian denda lewat suratcara urusan yang mana tarikh penyaksian bermula 1 Mac 2021 sehingga tamat tempoh PKP Penuh (*Full Lockdown*). Selain daripada tarikh penyaksian yang dinyatakan **tiada sebarang pengecualian denda lewat diberikan.** Dokumen urusan yang diberikan pengecualian denda tersebut perlu diserahkan dalam masa **30 Hari selepas tamat tempoh PKP Penuh (*Full Lockdown*).** Mana-mana dokumen yang gagal diserahkan dalam tempoh tersebut denda lewat akan dikenakan tanpa sebarang pengecualian.

7. Urusan pungutan perserahan akan beroperasi semula selepas tamat tempoh PKP Penuh (*Full Lockdown*) melalui kiosk pungutan dan kaunter pungutan. Pemakluman bagi tujuan pungutan akan dimaklumkan melalui email sahaja. Tiada sebarang denda lewat dikenakan bagi tarikh perserahan bermula 4 Mei 2021 sehingga tamat tempoh PKP Penuh (*Full Lockdown*). Bagi mana-mana firma atau penyerah yang telah menerima email pungutan dan tidak hadir pada tarikh yang ditetapkan, maka denda lewat pungut akan dikenakan.

8. Adalah diharapkan supaya semua pihak yang berkepentingan dalam berurusan dengan PTGS terutamanya pihak peguam dapat memahami bahawa pihak Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada setiap pemegang taruh (*stakeholders*) tetapi pada masa yang sama aspek kesihatan dan keselamatan amat diutamakan terutamanya dalam situasi semasa ini. Semua pihak diminta untuk memainkan peranan bagi membendung penularan wabak Covid-19 ini terutamanya di Negeri Selangor dan harus memahami bahawa "*business is not usual anymore*" dan norma-norma baharu yang diperkenalkan haruslah sentiasa diikuti demi kebaikan semua.

**PEMAKLUMAN PENUTUPAN SEMENTARA OPERASI PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR (PTGS) MERANGKUMI KIOSK PERSERAHAN DAN PUNGUTAN SMARTBOX BAHAGIAN PENDAFTARAN HAKMILIK DAN BAHAGIAN HAKMILIK STRATA BERIKUTAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) PENUH (FULL LOCKDOWN) BERMULA PADA 31 MEI 2021 (ISNIN)**

---

9. Sebarang perubahan adalah tertakluk kepada arahan daripada Pihak Berkuasa Negeri. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg. Dato'/tuan/puan berkaitan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“SELANGOR MAJU BERSAMA”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**

Saya yang menjalankan amanah,



**(HAJI MOHD NOB SHAHNAZ BIN MD. ZAHIR)**  
b.p. Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor

**s.k:**

**Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor**

**Timbalan Pengarah (Pengurusan)**  
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

**Ketua Penolong Pengarah (Kanan)**  
Bahagian Pendaftaran Hakmilik  
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

**Ketua Penolong Pengarah (Kanan)**  
Bahagian Hasil  
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

**Ketua Penolong Pengarah**  
Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah  
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

**Ketua Penolong Pengarah**  
Bahagian Hakmilik Strata  
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

**Ketua Penolong Pengarah**  
Bahagian Teknologi Maklumat  
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

**PEMAKLUMAN PENUTUPAN SEMENTARA OPERASI PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR (PTGS) MERANGKUMI KIOSK PERSERAHAN DAN PUNGUTAN SMARTBOX BAHAGIAN PENDAFTARAN HAKMILIK DAN BAHAGIAN HAKMILIK STRATA BERIKUTAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) PENUH (*FULL LOCKDOWN*) BERMULA PADA 31 MEI 2021 (ISNIN)**

---

**Penolong Pengarah**

Bahagian Khidmat Pengurusan  
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

**Penolong Pengarah**

Bahagian Korporat, Audit Pengurusan Tanah dan Inovasi  
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

**Penolong Pengarah I**

Bahagian Pendaftaran Hakmilik  
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

**Penolong Pengarah II**

Bahagian Pendaftaran Hakmilik  
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

**PEMAKLUMAN PENUTUPAN SEMENTARA OPERASI PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR (PTGS) MERANGKUMI KIOSK PERSERAHAN DAN PUNGUTAN SMARTBOX BAHAGIAN PENDAFTARAN HAKMILIK DAN BAHAGIAN HAKMILIK STRATA BERIKUTAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) PENUH (*FULL LOCKDOWN*) BERMULA PADA 31 MEI 2021 (ISNIN)**

---

Lampiran A

**SENARAI EDARAN**

- 1. Majlis Peguam Malaysia  
(Bar Council Malaysia)**  
Wisma Badan Peguam Malaysia,  
No.2, Leboh Pasar Besar,  
50050 Kuala Lumpur
  
- 2. Jawatankuasa Peguam Negeri Selangor  
(Selangor Bar)**  
No.41, Jalan Bola Jaring 13/15,  
Seksyen 13,  
40100 Selangor Darul Ehsan
  
- 3. Jawatankuasa Peguam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur  
(Kuala Lumpur Bar)**  
Unit 4.02,  
Level 4,  
Wisma Badan Peguam Malaysia,  
No.2, Leboh Pasar Besar,,  
50050 Kuala Lumpur